

**PEMERINTAHAN TRADISIONAL SEMASA ZAMAN SULTAN
ABDUL MOMIN DI SUNGAI TUARAN (1877-1885)**
*Traditional Government During the Time of Sultan Abdul Momin
in Tuaran River (1877-1885)*

¹*YUSRY SULAIMAN
²MOSLI TARSAT
³RIZAL ZAMANI IDRIS

^{1,2&3}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Corresponding author: ¹yusryjason@gmail.com

²Mos_79@ums.edu.my

³Rizal.idris@gmail.com

Dihantar: 7 Julai 2022, Penambahbaikan: 25 Oktober, Diterima: 25 Disember 2022,
Terbit: 31 Disember 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v33i2.3841>

Abstrak Sungai Tuaran terletak di sebelah pantai barat Borneo Utara sejak dua atau tiga abad yang lalu. Nama Sungai Tuaran telah wujud pada era pemerintahan Sultan Abdul Momin seperti dijelaskan dalam dokumentasi surat geran perjanjian di antara “Maharajah Overbeck” dengan baginda pada 29 Disember 1877. Sungai Tuaran telah ditadbir oleh golongan pembesar Brunei yang dilantik oleh Sultan Abdul Momin berdasarkan sistem dan struktur pentadbirannya. Antara golongan pembesar yang dimaksudkan ialah Pengiran Muda Muhammad Hassan, Pengiran Muda Muhammad, Pengiran Siti Anak Khatijah dan Pengiran Abdul Rauf. Dalam konteks kepimpinan di Sungai Tuaran, mereka memimpin kelompok masyarakat tersendiri, terutama masyarakat Bajau yang mana kebanyakan mereka berkampung di pinggir Sungai Tuaran. Mengikut sistem pemilikan wilayah tradisional Brunei, Sungai Tuaran merupakan kawasan tunggal kerana berstatus “Sungai Kuripan” di pantai barat Borneo Utara. Hal ini menunjukkan bahawa Sungai Tuaran ditadbir oleh golongan pembesar Brunei yang dilantik oleh Sultan Abdul Momin. Terdapat beberapa sumber yang dicatatkan oleh golongan orientalis yang menyatakan bahawa Sungai Tuaran merupakan pusat pertemuan di antara pelbagai etnik sama ada di darat mahupun laut. Sebagai contoh, masyarakat Bajau dan Dusun. Perkara ini bukanlah asing kerana Sungai Tuaran merupakan sungai yang paling dominan bagi kedua-dua masyarakat ini memandangkan masyarakat Bajau dan Dusun saling memerlukan antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan harian

mereka. Penempatan di Sungai Tuaran didominasi oleh golongan masyarakat Bajau kerana mereka merupakan penduduk asal, terutamanya kawasan di sepanjang pinggir Sungai Tuaran. Menariknya, pada 5 April 1884, semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin, baginda telah menyerahkan Sungai Tuaran kepada British North Borneo Company. Metode kajian ini berbentuk deskriptif melibatkan kajian perpustakaan yang menampilkan arkib sebagai sumber rujukan utama. Kajian ini membincangkan sistem pemerintahan tradisional Sultan Abdul Momin di Sungai Tuaran (1877 – 1885).

Kata kunci: Sungai Tuaran, Sultan Abdul Momin, masyarakat Bajau, Sungai Kuripan.

***Abstract** Since two or three centuries ago, Tuaran River has been located on the west coast of North Borneo. The name Tuaran River existed during the reign of Sultan Abdul Momin as explained in the grant agreement documentation between “Maharajah Overbeck” and Sultan Abdul Momin on 29 December 1877. Tuaran River was administered based on Sultan Abdul Momin’s system and structure of the administration by a group of Brunei officials appointed by the Sultan, namely Pengiran Muda Muhammad Hassan, Pengiran Muda Muhammad, Pengiran Siti Anak Khatijah and Pengiran Abdul Rauf. In the context of leadership in Tuaran River, they led their own community groups, especially the Bajau community where most of them live in the village on the banks of Tuaran River. According to Brunei’s traditional territorial ownership system, the Tuaran River is a unique area due to its status as the “Kuripan River” on the west coast of North Borneo. This shows that the Tuaran River was administered by Brunei’s nobles appointed by Sultan Abdul Momin. There are several sources recorded by orientalist that state that Tuaran River is a meeting point between various ethnic groups whether on land or sea. For example, the Bajau and Dusun communities. This is common because Tuaran River is the most dominant river for both communities as the Bajau and Dusun communities depended on each other to meet their daily needs. The settlement in Tuaran River was dominated by Bajau people because they are the original inhabitants, especially the area along the banks of Tuaran River. More interestingly, on 5 April 1884, during the reign of Sultan Abdul Momin, Tuaran River was handed over to the British North Borneo Company. This research method is*

descriptive and involved library research that features archives as the main reference source. This study discusses the traditional government system of Sultan Abdul Momin in Tuaran River (1877 - 1885).

Keywords: *Tuaran River, Sultan Abdul Momin, Bajau community, Kuripan river.*

PENDAHULUAN

Sungai Tuaran terletak di pantai barat Borneo Utara. Dahulunya, Sungai Tuaran menghubungkan beberapa buah kampung seperti Nangka, Mengkabong dan Tamparuli. Pada abad ke-19, Sungai Tuaran berada di bawah pemerintahan Sultan Abdul Momin dan menjadi pusat tumpuan perdagangan utama yang menghubungkan masyarakat Bajau dan Dusun. Pekara ini menjelaskan bahawa Sungai Tuaran mempunyai perairan yang cukup besar dan sesuai dijadikan sebagai pelabuhan utama bagi kapal dagang, terutama pedagang dari Tanah Arab. Hal ini membuktikan kewujudan aktiviti tamu di Sungai Tuaran sebagai kegiatan perdagangan yang dijalankan secara besar-besaran dan sistematik di bawah tadbir urus golongan pembesar Brunei. Tidak dinafikan, penempatan masyarakat Bajau di Sungai Tuaran menyumbang kepada perkembangan kegiatan utama dalam ekonomi tradisional Kesultanan Brunei seperti perniagaan, perdagangan dan pelabuhan kapal.

PEMERINTAHAN KESULTANAN BRUNEI TRADISIONAL DI SUNGAI TUARAN SEMASA ERA PEMERINTAHAN SULTAN ABDUL MOMIN

Menurut Wolters, istilah asal “kedaulatan” dalam konteks Asia Tenggara bermaksud “kawasan mandala”, karya asal oleh (O.W Wolters, 1999) seperti yang ditulis beliau dalam buku yang berjudul *History, Culture and Region in Southeast Asian Perspective*. Jelasnya, maksud mandala ini merujuk kepada perbezaan di antara Orang Mulia (*Man of Prowess*) dan Orang besar (*Big Men*) mengikut susun lapisan masyarakat dalam pelantikan kuasa pemimpin kerajaan di “Asia Tenggara”. Setiap kerajaan berhak menuntut kekuasaan ke atas pemerintah di kawasan mandala. Perkara ini selaras dengan pandangan

teori Barat berkaitan golongan pemerintah dan diperintah. Hal ini demikian kerana dalam konteks kawasan tersebut, punca kuasa pusat kepada “Orang Besar” dan “Orang Mulia” diambil kira mengikut kawasan mandala (*periphery*) yang setia kepada golongan pemerintah (Bilcher, 2018).

Dalam pada itu, mengikut pandangan Melayu mengenai idea “daulah (setia) dan derhaka” (tidak taat) dalam sistem politik tradisional Kesultanan Brunei, ia dikatakan diwarisi daripada nenek moyang mereka. Sebagai contoh, kewujudan teks berjudul “*Syair Awang Semaun*” pada akhir abad ke-17 yang memetik kata-kata “*Berkat daulat Betara Khalifah turun temurun menjadi raja. Sekian tidak mendapatkan bala*” (Hasbol, 2007). Teks ini menggambarkan bahawa penubuhan negara Brunei dipengaruhi oleh perpaduan yang ditunjukkan dalam kalangan rakyat di samping kesanggupan mereka mematuhi perintah Sultan. Kuasa sultan dipilih dan diamanahkan oleh rakyat bagi menzahirkan kesediaan dan kesetiaan, iaitu rakyat tidak boleh ingkar kepada sultan dan sultan tidak boleh menzalimi rakyatnya. Kuasa Sultan Brunei dilihat dalam konteks tanggungjawab menjaga kebajikan rakyat. “Kedaulatan” dari segi perhubungan meliputi “konsep rakyat tidak boleh derhaka kepada kuasa sultan”. Maka, lahir kesepakatan di antara Sultan dan rakyat kerana kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain.

Dari sudut pandangan lain, istilah “kedaulatan” merujuk kepada perluasan empayar Kesultanan Brunei, terutama di pantai barat Borneo Utara (Sungai Tuaran). Menurut Hasbol, sistem pemilikan wilayah Brunei, iaitu Sungai Tuaran dimiliki oleh baginda Sultan Abdul Momin (Hasbol, 2011). Majoriti penduduk di Sungai Tuaran terdiri daripada masyarakat Bajau dan Dusun. Mereka banyak menyumbang kepada kegiatan ekonomi tradisional di bawah pemerintahan sultan dan pembesar Brunei.

SEJARAH KEWUJUDAN SUNGAI TUARAN: ANALISIS LITERATUR

Asal usul Sungai Tuaran sebenarnya tidak diketahui secara lebih tepat. Asal usul nama Sungai Tuaran banyak dijelaskan oleh sumber sedia ada. Menurut catatan seorang pengembara, iaitu Spenser Saint John, Tuaran

berasal daripada perkataan “Tawaran.” Sungai Tuaran merupakan pusat menjual barang keperluan harian serta menghubungkan masyarakat Bajau dan Dusun. Mereka tawar-menawar ketika membeli barang keperluan harian (Spenser, 1862). Berdasarkan pandangan Bilcher (2018), asal usul Sungai Tuaran juga berasal daripada perkataan bahasa Inggeris, iaitu “*Bargaining*” yang bermaksud tawar-menawar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Sungai Tuaran merupakan pusat sehenti bagi para pedagang menjalankan kegiatan perdagangan dan perniagaan tradisional dalam bentuk pertukaran barang (sistem *barter*). Oleh itu, setiap hasil kutipan mereka terutama dari kawasan tanah tinggi (hulu dan kawasan muara sungai akan dijual kepada para pedagang mengikut hasil kutipan yang diperolehi.

Pandangan lain pula menyatakan asal usul nama Sungai Tuaran diambil daripada perkataan air tawar. Hal ini demikian kerana Sungai Tuaran mempunyai air yang bersih dan jernih. Maka, wujud nama “Sungai Air Tawar”. Pada waktu itu, Sungai Tuaran merupakan sungai yang sangat penting, terutama bagi masyarakat Bajau dan Dusun. Mereka menjadikan perahu sebagai pengangkutan utama (Rutter, 2008). Tambahan pula, keindahan alam semula jadi di Sungai Tuaran amat mengagumkan. Lokasi Sungai Tuaran yang berdekatan dengan muara sungai besar Tuaran membolehkan masyarakat Bajau dan Dusun menjalankan kegiatan perdagangan dan perniagaan menggunakan sistem *barter* (tukar barang). Aktiviti Tamu menggalakkan hubungan di antara masyarakat Bajau dan Dusun dalam penjualan hasil laut dan tani. Mereka saling memerlukan antara satu sama lain dalam usaha memenuhi keperluan harian. Istilah ini dikaitkan dengan kegiatan tawar-menawar yang dijalankan oleh masyarakat Bajau dan Dusun sehingga perkataan tersebut ditukar kepada Tawaran, kemudian Tuaran. Menurut Bilcher, lingkungan Sungai Tuaran juga dinamakan *Etawwarran*. Ejaan *Etawarran* (نارراوواتي) diambil daripada perkataan Arab yang sinonim dengan perkataan *Tawaran*. Akan tetapi, istilah sebenar yang menggambarkan asal usul Tuaran masih belum ditemui dalam sejarah Brunei pada abad ke-14 sehingga abad ke-16 Masihi (Bilcher, 2018: 2005).

Pada tahun 1813, Sir Stamford Raffles telah menulis sepucuk surat kepada setiausaha British di India, memohon kebenaran untuk berkunjung ke Borneo Utara. Beliau memegang jawatan sebagai “Gabenor British”

di Tanah Jawa. Pada waktu itu, Sir Stamford Raffles menerima jemputan daripada Kesultanan Brunei lalu meminta izin untuk memasuki kawasan di “Sungai Tuaran”. Tujuan utama beliau berbuat demikian adalah untuk menamatkan konflik yang berlaku di antara orang Bajak Laut dan lanun yang makin bermaharajalela, terutamanya di Borneo Utara (Bilcher, 2018).

Pada abad ke-9, beberapa kawasan di Sungai Tuaran yang juga dikenali sebagai “*Sungai Tawaran*” pernah masyhur di seluruh Tanah Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, asal usul nama Sungai Tuaran masih tidak diketahui sehingga hari ini. Buat masa sekarang, Tuaran dikenali sebagai sebuah pekan kecil yang berasal daripada Sungai Tuaran. Daerah Pekan Tuaran mempunyai mukim yang menempatkan beberapa buah kampung kecil seperti Kampung Mengkabong, Serusup, Indai, Melalin, Junkok, Laya-Laya, Karambunai Baru, Gayang, Lok Batik, Bolong, Sungai Damit, Shahbandar, Sulaman, Berungis, Tamparuli, Kiulu, Tudan dan Telipok (Bilcher, 2018). Bilcher menjelaskan, nama Sungai Tuaran bermula di kawasan Kampung Tudan yang bersebelahan dengan Sungai Tuaran sehingga ke Kampung Shahbandar di sepanjang muara Sungai Tuaran (Bilcher, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa sebutan Sungai Tuaran semestinya diketahui sejak pemerintahan Sultan Abdul Momin. Menurut Bilcher, penjelasan Tome Pires dalam karya bertajuk *Suma Oriental*, sekitar tahun 1512- 1515 Masihi, “Borneo mempunyai banyak pulau sama ada pulau besar mahupun pulau kecil. Penduduk di pulau kecil berpegang kepada kepercayaan animisme dan paganisme, manakala kebanyakan penduduk di pulau besar menganut agama Islam. Hal ini demikian kerana raja yang memeluk agama Islam dipengaruhi oleh kedatangan pedagang Arab yang menyebarkan ajaran Islam. Mereka berdagang secara langsung di kawasan Pelabuhan Melaka kemudian pergi ke Pulau Borneo untuk mencari beras kapur sambil menyebarkan ajaran Islam. Kebanyakan pulau di Borneo, iaitu meliputi 33 buah pulau, termasuk Teluk Brunei. Tome Pires berkemungkinan pernah pergi ke Pulau Chermin untuk berlabuh (Bilcher Bala, Baszley Bee Basrah Bee & Jakaria Dasan, 2013).

Asal usul nama Sungai Tuaran masih dibahaskan sehingga kini. Pada waktu itu, Sungai Tuaran bukan sahaja menjadi pusat tumpuan para pedagang, malah bagi masyarakat Bajau dan Dusun. Dari perspektif


orientalis, iaitu Spenser, istilah “Tuaran” diambil bersempena kegiatan tawar-menawar yang dijalankan di antara masyarakat Bajau dan Dusun. Bagi sarjana tempatan pula, iaitu Bilcher menjelaskan Sungai Tuaran pernah diangkat sebagai sebuah kerajaan (Bilcher, 2018). Sungai Tuaran terletak di kaki Gunung Kinabalu.

PERSELISIHAN KUASA PEMIMPIN DI SUNGAI TUARAN SEMASA ERA PEMERINTAHAN SULTAN ABDUL MOMIN

Sungai Tuaran dimonopoli oleh Pengiran Abdul Rauf yang merupakan pemilik Sungai Mengkabong dan Sungai Karambunai. Pemilikan secara bertindih di antara Sultan Abdul Momin dan Pengiran Abdul Rauf dalam konteks Sungai Karambunai dan Sungai Mengkabong telah menyebabkan berlakunya pertikaian wilayah. Perselisihan ini berlaku apabila kuasa pengaruh dan hasil kutipan cukai rakyat berbeza di antara Sultan Abdul Momin dan Pengiran Abdul Rauf, terutama di Sungai Tuaran. Hal ini demikian kerana Sultan Abdul Momin dan Pengiran Abdul Rauf tidak sefahaman mengenai penguasaan kawasan di Sungai Tuaran. Perkara ini sekali gus membuktikan persengketaan berlaku dalam kalangan pengikut Sultan Abdul Momin dan Pengiran Abdul Rauf. Kuasa pengaruh Pengiran Abdul Rauf ternyata lebih kuat berbanding Sultan Abdul Momin kerana beliau mempunyai pelabuhan utama paling banyak di kawasan Karambunai dan Mengkabong berbanding dengan Sungai Tuaran (Dalrymple, 1884: 262). Kebanyakan pengikut Pengiran Abdul Rauf terdiri daripada masyarakat Bajau di Sungai Karambunai dan Sungai Mengkabong.

Dalam sistem pemilikan wilayah Brunei secara tradisional, Sungai Tuaran merupakan Sungai Tulin mengikut geran pada 29 Disember 1877 (M:116/82; M63/2002; C.O 874/54). Kemudian, Sultan Abdul Momin menukarkan statusnya kepada Sungai Kuripan. Sultan Abdul Momin juga menitahkan anaknya, iaitu Pengiran Muda Muhammad dan Pengiran Muda Muhammad Hassan. Seterusnya, baginda menyerahkan kesemua wilayah Sungai Tulin di pantai barat Borneo Utara mengikut perjanjian yang dimeterai pada tahun 1877 (M:116/82; M63/2002; C.O 874/54). Sungai Tuaran merupakan salah satu kawasan yang berjaya ditakluk sejak pemerintahan Sultan Bolkiah I. Perkara ini membuktikan bahawa keluasan

empayar Brunei semakin luas, terutamanya di kawasan pesisiran dan muara sungai pantai barat Borneo Utara. Dalam *Silsilah raja-raja Brunei* yang dihasilkan oleh Amin Sweeney dalam Teks “B”, Sultan Bolkiaah I telah meluaskan empayar ke seluruh pesisiran pantai barat Borneo Utara sehingga kepulauan Luzon (Sweeney, 99-100; Cheah, 2012). Hal ini membuktikan sempadan Sungai Tuaran turut terlibat kerana menjadi pusat penempatan bagi kaum kerabat diraja Brunei. Dalam teks “B”, Sungai Tuaran merupakan sebahagian daripada wilayah “Saba” yang merujuk kepada maksud di seberang atau hujung. Semasa kedatangan British North Borneo Company, seluruh pantai barat, termasuk Sungai Tuaran telah berjaya ditawan. Perkara ini berlaku apabila status pemilikan wilayah Brunei tradisional memperlihatkan bahawa Sungai Tuaran telah diserahkan oleh Sultan Abdul



Sumber: Yusry Sulaiman, Sejarah Penyerahan Wilayah Brunei di Pantai Barat Borneo Utara (1877-1902). Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, 2021, hlm. 146; Diubah Suai daripada Haji Hasbol, *Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19*, hlm. 41.

ERA PEMERINTAHAN SULTAN ABDUL MOMIN DALAM SISTEM KUTIPAN CUKAI DI SUNGAI TUARAN

Sistem kutipan cukai di Sungai Tuaran mengambil kira hasil cukai daripada kegiatan perdagangan. Menurut Hasbol, kadar kutipan hasil cukai mestilah merangkumi kawasan di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei (Hasbol, 2011: 16). Hal ini demikian kerana setiap kawasan yang ditakluki oleh Kesultanan Brunei mesti melibatkan hal ehwal ekonomi, terutamanya proses mengutip cukai sebagai hasil bagi menjana pendapatan sebuah kerajaan. Melalui kutipan cukai, ia dianggap sebagai sumber untuk menjana pendapatan terpenting bagi sesebuah wilayah, lebih-lebih lagi golongan kerabat diraja Brunei. Sebagaimana yang telah kita ketahui, Sultan Abdul Momin menitahkan golongan yang dilantik, iaitu Pengiran Shahbandar untuk mengutip cukai rakyat dan menjaga hasil kutipan di Sungai Tuaran. Oleh sebab itu, struktur pentadbiran wilayah Brunei tradisional di Sungai Tuaran semakin berkembang pesat disebabkan oleh hasil kutipan cukai yang semakin banyak, terutama apabila pedagang China datang ke Sungai Tuaran (Singh, 2011: 13; Hasbol, 2011: 16). Sultan hanya menunggu hasil kutipan cukai daripada golongan yang dilantik, terutama melibatkan hal ehwal ekonomi dan perdagangan (Said, 2013: 39). Oleh itu, baginda menghasilkan sistem struktur pentadbiran wilayah Brunei tradisional di Sungai Tuaran khusus kepada golongan yang dilantik seperti Pengiran Shahbandar bagi mentadbir serta mengawal kegiatan ekonomi dan perdagangan di Sungai Tuaran.

Dalam pada itu, terdapat beberapa kategori kutipan cukai yang patut dijelaskan. Kebiasaannya, golongan yang dilantik dan kerabat diraja Brunei dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai. Seperti yang diketahui, golongan kerabat diraja Brunei, iaitu Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad bertanggungjawab mengutip “cukai kepala” yang melibatkan beberapa buah kampung di Sungai Tuaran. Hal ini demikian kerana kadar kutipan cukai sangat penting bagi sebuah kerajaan pusat (golongan istana) dan dalam kawasan Sungai Tuaran untuk merencanakan kegiatan ekonomi tradisional. Semua hasil cukai yang dikutip oleh golongan yang dilantik akan diagihkan kepada kerajaan pusat. Golongan yang dilantik akan memberi tempoh untuk mengutip cukai. Perkara ini menunjukkan bahawa sultan telah melantik pembesar Brunei sebagai wakil untuk

mengutip cukai rakyat di Sungai Tuaran. Berikut adalah kategori kutipan cukai di pantai barat Borneo Utara.

“Chukei Dagang” dikenali sebagai cukai dagang yang dikutip setiap tahun. Cukai dagang ini sangat penting untuk memastikan setiap pedagang membayar cukai kepada golongan yang dilantik bagi menjana hasil pendapatan di Sungai Tuaran. Jika para pedagang tidak membuat bayaran kepada pemungut cukai, maka barang dagangan akan dirampas dan pedagang dilarang untuk berdagang di kawasan tersebut. Kutipan cukai ini dilaksanakan oleh petugas yang dilantik oleh sultan di Sungai Tuaran (Foreign Office, 12/59; Public Record Office; Memorandum Leys to Earl Granville 5th May 1883; Leys, 1974: 137). Petugas yang melaksanakan Cukai Dagang ini terdiri daripada pembesar Brunei dan masyarakat Bajau sebagai tentera bagi memastikan keadaan aman dan terjaga. Walau bagaimanapun, sesetengah pedagang juga membuat bayaran kepada golongan yang dilantik oleh sultan, iaitu Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad mengikut kadar pembayaran sebanyak 7 peratus sahaja dengan mengambil kira hasil pendapatan mereka. Jumlah pembayaran adalah tidak tetap dan sentiasa berubah kerana undang-undang ditentukan oleh sultan dan kerabat diraja Brunei. Cukai dagang juga melibatkan hasil kutipan cukai mengikut beberapa ahli keluarga diraja Brunei. Hasil kutipan cukai dagang akan dikenakan mengikut bilangan ahli keluarga, semakin ramai ahli keluarga. Semakin tinggilah cukai dagang (Foreign Office, 12/59; Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th May 1883; Leys, 1974: 137). Peraturan cukai dagang di Sungai Tuaran adalah sangat ketat kerana ditentukan oleh Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad yang bertanggungjawab membuat sebarang keputusan dan peraturan cukai dagang (Foreign Office, 12/59; Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th May 1883; Leys, 1974: 137-138).

Chukei Serah dikenali sebagai cukai berbentuk serahan yang dikenakan di kawasan Sungai Tuaran. Cukai berbentuk serahan dikenakan mengikut jenis golongan pedagang yang akan membayar kepada pemungut cukai secara sukarela dan terpaksa. Perkara ini berlaku apabila golongan pemberontak yang mengetepikan arahan pemungut cukai dikenakan denda dalam cukai berbentuk serahan yang ditetapkan oleh golongan yang dilantik oleh sultan. Cukai dagang dan cukai berbentuk serahan adalah berbeza

dari segi cara mengutip hasil cukai. Walau bagaimanapun, kedua-dua cukai tersebut mempunyai fungsi yang sama dalam sistem kutipan cukai yang ditetapkan oleh golongan yang dilantik oleh sultan.

Selain Chukey Serah, Cukai Basoh Betis dikenali sebagai hasil pendapatan sama ada dari sungai mahupun laut. Cukai Basoh Betis biasanya dikutip oleh golongan yang dilantik oleh sultan bagi melawat sungai mahupun laut. Peraturan Cukai Basoh Betis ini dikenakan ke atas golongan lelaki yang tinggal di tepi Sungai Tuaran dengan kadar sebanyak 2 dolar seorang. Cukai Basoh Betis memastikan bahawa segala hasil pendapatan menerusi kutipan cukai dibayar oleh rakyat selagi mereka tinggal di Sungai Tuaran.

Chukey Bongkal Sauh dikenali sebagai Cukai Kapal Besar dikenakan ke atas pedagang dari luar yang berlabuh di Sungai Tuaran. Cukai Kapal Besar biasanya dikutip oleh golongan yang dilantik seperti kerabat diraja Brunei. Antara kerabat diraja yang pernah mengutip Cukai Kapal Besar, iaitu Pengiran Anak Muhammad Hassan. Beliau mengutip cukai daripada pedagang Arab dan Cina yang berlabuh di Sungai Tuaran. Cukai Kapal Besar mampu membantu menjana pendapatan melalui hasil kutipan tersebut kerana kebanyakan pedagang dari Arab dan Cina diwajibkan membayar cukai kepada Pengiran Anak Muhammad Hassan. Walaupun begitu, Cukai Kapal Besar mempunyai sedikit perbezaan dengan Cukai Basoh Betis kerana Cukai Kapal Besar hanya tertumpu kepada para pedagang luar yang datang ke Sungai Tuaran. Peraturan Cukai Kapal Besar telah ditetapkan oleh Pengiran Anak Muhammad Hassan bagi memastikan para pedagang dari Arab dan Cina membayar cukai. Setiap pembayaran Cukai Kapal Besar dikenakan sebanyak 2 dolar seorang. Laporan ini telah dijelaskan oleh Peter Leys yang mengatakan bahawa Cukai Kapal Besar dianggap sangat penting dalam ekonomi tradisional Brunei bagi memastikan segala hasil pendapatan mampu menggerakkan fungsi pemerintahan Kesultanan Brunei di Sungai Tuaran. Memang tidak dinafikan, pedagang Arab dan Cina yang datang ke Sungai Tuaran menjadi penyumbang utama dalam kutipan Cukai Kapal Besar (Foreign Office, 12/59; Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th May 1883; Leys, 1974:138; Hasbol, 2011: 17).

Selain itu, terdapat cukai yang dikenali sebagai Chukei Tolongan atau Cukai Bantu. Cukai Bantu merujuk kepada cukai yang menggunakan bantuan tanpa mengutip hasil pendapatan berbentuk wang. Cukai Bantu sangat penting, terutama bagi kerabat diraja Brunei untuk membantu kutipan cukai di kawasan Sungai Tuaran. Cukai Bantu dikenakan bertujuan untuk membantu kerabat diraja Brunei. Selain dari kawasan Sungai Tuaran yang mengamalkan Cukai Bantu, kawasan Tamu juga mengamalkan Cukai Bantu di tepi Sungai Tuaran. Walaupun Cukai Bantu menggunakan asas bantuan, tetapi ia tetap mengamalkan konsep mengutip hasil cukai yang berbentuk hamba. Cukai Bantu diwujudkan untuk membantu kerabat diraja Brunei dan dianggap sebagai tindakan alternatif untuk mengaut hasil cukai berbentuk tenaga. Cukai Bantu lebih kepada bentuk pertolongan, terutama bagi kerabat diraja Brunei agar dibantu oleh golongan yang dilantik di Sungai Tuaran. Langkah ini bertujuan untuk membayar upah hamba sebagai imbalan daripada kerja yang mereka lakukan. Sebagai contoh, Cukai Bantu ini boleh dilihat dalam konteks perkahwinan, kematian, membina rumah baharu, pengawal dan tentera. Walau bagaimanapun, cukai ini sangat terikat dengan peraturan yang dibuat oleh kerabat diraja Brunei, tetapi memerlukan bantuan rakyat dan sultan.

Jelasnya, sistem kutipan cukai dalam pentadbiran wilayah Brunei dapat mewujudkan peluang kepada golongan yang dilantik dan sultan. Sistem kutipan cukai diwujudkan untuk menambah hasil pendapatan sama ada dalam atau luar serta mengerah tenaga rakyat untuk melakukan sesuatu seperti kerja buruh dan tentera. Faktor ini mendorong sultan dan golongan yang dilantik untuk mewujudkan beberapa kategori hasil kutipan cukai dengan mengambil kira semua hasil pendapatan dan tenaga daripada rakyat. Bukan itu sahaja, Sultan Abdul Momin dan kerabat diraja Brunei juga mengambil peluang daripada pedagang luar yang datang ke Sungai Tuaran kerana cukai yang dikenakan ini lebih menguntungkan. Oleh itu, sistem kutipan cukai sangat menguntungkan kerabat diraja Brunei sama ada hasil kutipan cukai mahupun bantuan tenaga rakyat demi meningkatkan hasil pendapatan mereka. Kesemua hasil pendapatan akan turut dinikmati oleh sultan dan kerabat diraja Brunei di Sungai Tuaran.

Sultan Abdul Momin (1852-1885)



Sumber: Nicholas Tarling, *Britain, The Brooke and Brunei*, Oxford University Press: London, 1971, 3b.

SISTEM PEMILIKAN WILAYAH BRUNEI TRADISIONAL DI SUNGAI TUARAN

Menurut Peter Leys, terdapat dua jenis sistem pemilikan wilayah Brunei di Sungai Tuaran (Foreign Office, 12/59; Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th May 1883; Leys, 1974: 138). Jenis pertama melihat lingkungan mandala secara tradisional di Asia Tenggara tidak jelas mengikut kesempadanan wilayah. Sebagai contoh, jika rakyat Sultan Abdul Momin dari Sungai Tuaran pergi ke sesuatu kawasan, masyarakat Bajau dan Dusun tetap membayar cukai kepada Sultan Abdul Momin walaupun pergi ke Karambunai, Mengkabong dan seluruh pantai barat Borneo Utara. Sungai Tuaran merupakan satu-satunya kawasan berstatus Sungai Kuripan yang diurus oleh golongan wazir yang dilantik oleh sultan. Walau bagaimanapun, status Sungai Kuripan mempunyai sedikit persamaan dengan status Sungai Kerajaan. Antaranya, Sungai Kerajaan hanya didapati di sekeliling kawasan kerajaan pusat istana Kesultanan Brunei. Status Sungai Kerajaan semestinya milik sultan. Dalam sistem pemilikan wilayah Brunei tradisional, terdapat tiga jenis pemilikan wilayah, iaitu Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin. Perbezaan mengikut jenis pemilikan wilayah tersebut

adalah cara pemilikan sama ada urusan secara rasmi mahupun urusan persendirian. Semestinya sistem pemilikan wilayah tradisional diamalkan di kawasan sungai dan pesisiran pantai. Dalam sistem pemilikan wilayah Brunei tradisional dari segi penerima pusaka (Sungai Tulin) secara turun, temurun adalah sangat berbeza berbanding Sungai Kerajaan dan Sungai Kuripan yang tidak boleh diwarisi. Sebagai contoh, sungai berstatus Sungai Kuripan yang dimiliki oleh Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad. Selepas mereka meninggal dunia, baginda Sultan Abdul Momin akan melantik semula pembesar kerana tidak boleh diwarisi. Seterusnya, Sultan mengadakan undian majoriti di istana dan membuat penilaian. Hal ini menunjukkan bahawa status Sungai Kuripan tidak boleh diwarisi secara persendirian tanpa persetujuan di antara sultan dan kerabat diraja Brunei. Walau bagaimanapun, Sungai Kuripan merupakan sumber pendapatan utama bagi sultan dan kerabat diraja Brunei. Status Sungai Kuripan sememangnya tidak setanding dengan Sungai Tulin kerana pemilik Sungai Kuripan boleh dilucutkan pelantikannya bila-bila masa sahaja tanpa tolak ansur. Sejak kedatangan British North Borneo Company, sistem pemilikan wilayah Brunei tradisional seperti Sungai Kerajaan, Sungai Kuripan dan Sungai Tulin dihapuskan pada 5 April 1884 seperti yang termaktub dalam perjanjian di antara Sultan Abdul Momin dan British North Borneo Company (C.O 874/200).

SISTEM PENTADBIRAN WILAYAH BRUNEI TRADISIONAL DI SUNGAI TUARAN

Dalam sistem pentadbiran wilayah Brunei tradisional, ia lebih bersifat tradisional yang mengakui taat setia kepada sultan atau pemimpin kawasan. Sebagaimana yang dilihat dalam geran perjanjian, kawasan Sungai Tuaran adalah milik Sultan Abdul Momin. Sungai Tuaran berstatus Sungai Kuripan menerima pengaruh golongan yang dilantik oleh Sultan Abdul Momin seperti Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad. Mereka perlu melaksanakan tanggungjawab mereka dalam pentadbiran wilayah Brunei tradisional. Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad dikenali sebagai kerabat diraja Brunei yang mentadbir Sungai Tuaran yang berstatus Sungai Kuripan. Walaupun begitu, mereka hanya bebas mentadbir, tetapi pemilikan yang sebenar ialah

baginda Sultan Abdul Momin. Sebagai contoh, Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad telah membuat peraturan, undang-undang dan sistem cukai. Dari aspek kekuasaan golongan yang dilantik dalam lingkungan Sungai Kuripan, golongan tersebut bertanggungjawab menjalankan pentadbiran dengan amanah, terutamanya kuasa wilayah jajahan. Walaupun baginda bertindak sebagai ketua, tetapi tidak berhak campur tangan dalam hal ehwal kutipan cukai, terutama Sungai Kuripan kecuali golongan yang dilantik sahaja.

Selain itu, sistem pentadbiran wilayah Brunei tradisional ini mengikut kekuasaan golongan pembesar utama Brunei di Sungai Tuaran. Hal ini demikian kerana pentadbiran tradisional dilaksanakan mengikut pelantikan daripada kerabat diraja Brunei bagi menjalankan tanggungjawab khususnya iaitu mengutip cukai. Semua hasil kutipan cukai yang dilaksanakan oleh golongan yang dilantik di Sungai Kuripan akan diberikan kepada baginda selaku penerima kedua. Bukan semua hasil kutipan cukai diambil oleh pihak yang dilantik di Sungai Kuripan. Baginda juga tidak berhak untuk mengutip cukai secara langsung tanpa izin golongan yang dilantik di Sungai Kuripan.

Sistem pentadbiran wilayah Brunei tradisional Sungai Tuaran dipengaruhi sejak abad ke-16 mengikut penyelidikan yang dijalankan oleh institusi kajian Brunei. Pastinya, sistem pentadbiran wilayah Brunei telah menonjol pada abad ke-19. Sebelum kedatangan British North Borneo Company di Sungai Tuaran, Intitusi pentadbiran peribumi yang tersendiri ditubuhkan dengan tujuan untuk menyelaraskan pentadbiran dengan lebih teratur dalam sistem politik tradisional. Dalam sistem politik tradisional Brunei, sultan berkuasa mutlak dalam Hukum Kanun Brunei. Hal ini dijelaskan oleh Pehin Jamil yang menyentuh sedikit sebanyak tentang Hukum Kanun Brunei dalam pentadbiran wilayah tradisional, terutama pelantikan golongan yang dilantik (Pehin, 1973: 154). Misalnya, Sultan Abdul Momin melantik Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad bagi memastikan kedaulatan di Sungai Tuaran sentiasa terpelihara. Teks ini juga menyentuh tentang ciri-ciri persamaan seperti di bawah;

Adapun segala Raja-Raja itu hendaklah ia menjadikan di antara segala rakyatnya itu akan seorang dua orang daripada orang besar-besar akan jadi gantinya supaya itu tiada menuntut kepadanya segala rakyatnya dan lagi supaya angan sentiasa bersemuka raja-raja itu dengan segala rakyatnya kerana itu mengurangkan hebatnya kepada segala rakyatnya (Pehin, 1973: 154).

Teks di atas menunjukkan bahawa kuasa Sultan adalah mutlak dalam memerintah sebuah negara. Walau bagaimanapun, baginda telah mengagihkan kekuasaan kepada golongan pembesar agar dapat meringankan beban segala tugas dan tanggungjawab, tetapi soal kehormatan dan perpaduan rakyat tetap dapat dikukuhkan. Sistem pentadbiran wilayah tradisional Brunei dapat memberikan kuasa penuh kepada golongan pembesar yang dilantik supaya dapat mentadbir wilayah dengan lebih teratur dan sistematik seperti penjagaan Sungai Kuripan dan Sungai Tulin sebagai tanggungjawab yang diamanahkan oleh baginda. Oleh hal yang demikian, Baginda telah melantik Pengiran Anak Muhammad Hassan dan Pengiran Anak Muhammad untuk melaksanakan tugas pentadbiran dan menjadi wakil untuk menjaga kedaulatan Sungai Tuaran.

Dalam sistem pentadbiran wilayah Brunei tradisional, Sungai Kuripan memperlihatkan sistem yang unik. Walau bagaimanapun, sejak penerbitan *British North Borneo Herald*, berlaku perkelahian di antara Sultan dan kerabat diraja Brunei di istana Brunei. Sebagai contoh, dalam perjanjian Overbeck dan Sultan Abdul Momin termeterai pada 29 Disember tahun 1884, baginda kemudiannya menyerahkan kesemua hak kedaulatan kepada British North Borneo Company yang ditandatangani oleh William Hood Treacher (C.O 874/200; Black, 1968: 152). Tujuan baginda membuat penyerahan kesemua haknya agar dapat meringankan semua beban serta menyelesaikan masalah pemberontakan dan perkelahian dengan kerabat diraja Brunei. Perkara ini berlaku disebabkan tindakan yang diambil oleh baginda yang terpaksa menjual hak kedaulatan Sungai Tuaran kepada British North Borneo Company kerana sangat memerlukan wang pampasan akibat kalah judi (Yusry & Bilcher, 2019: 126). Keadaan ini telah menjejaskan sistem pentadbiran wilayah Brunei tradisional di Sungai Tuaran kerana baginda tidak bertanggungjawab sepenuhnya sehingga mengabaikan golongan yang dilantik. Perkara ini juga menyebabkan kacau bilau berlaku

di Sungai Tuaran sehingga menunjukkan kelemahan kerabat diraja Brunei yang semakin memuncak akibat pergaduhan di antara Pengiran Muda Muhammad Hassan, Pengiran Muda Muhammad, Pengiran Abdul Rauf dan Syarif Jahir. Hukum Kanun Brunei menjelaskan teks di bawah.

Pertama ampun, kedua murah tangannya dan hatinya jangan mengharap-harap apabila ia murah tangannya jangan mengubah akan kata-katanya, kekurangan orang jahat bukannya raja, ketiga perkara akan barang yang dikerjakannya keempat melakukan segala hukumnya dengan kaharnya itulah sifat pada segala raja itu zaman dahulu kala turun temurun sampai sekarang inilah kanun namanya (Haji Abdul Karim, 1994: 1).

Berdasarkan teks di atas, sistem pentadbiran wilayah Brunei tradisional di Sungai Tuaran semakin meruncing kerana Pengiran Abdul Rauf juga menguasai kawasan tersebut. Menurut Black, Pengiran Abdul Rauf memberontak kepada Sultan Abdul Momin kerana mengambil kesemua hak jagaan wilayah, terutama di kawasan Sungai Tuaran tanpa pengetahuan Pengiran Muda Muhammad Hassan dan Pengiran Muda Muhammad (Black, 1968: 152). Syarif Jahir memiliki pula sebahagian kawasan Sungai Tuaran, tetapi mengawal masyarakat Dusun. Kuasa baginda telah dicabar apabila Syarif Jahir bertindak melampaui batas. Tindakan ini menyebabkan Sultan Abdul Momin murka terhadap Pengiran Abdul Rauf dan Syarif Jahir yang melampaui batas kekuasaan baginda. Tiada jalan lain untuk menyelesaikan masalah. Cara yang terbaik adalah baginda terpaksa membuat penyerahan hak kedaulatan wilayahnya kepada British North Borneo Company dengan perjanjian yang dimeterai, tindakan baginda dianggap sebagai salah satu langkah untuk mengambil wang pajakan daripada pihak BNBC dengan cepat (C.O 874/200).

Sistem pentadbiran ini tetap dihormati oleh rakyat yang bernaung di bawah Pengiran Muda Muhammad dan Pengiran Muda Muhammad Hassan sebelum kedatangan BNBC. Antara etnik yang patuh kepada mereka ialah Dusun yang selalu membayar ufti. Kemudian, Sultan Abdul Momin telah membenarkan BNBC untuk masuk campur dalam hal ehwal kutipan cukai tanpa pengetahuan golongan wazir. Nampaknya, Sultan tidak masuk campur dalam urusan mengutip cukai disebabkan baginda telah menyerahkannya kepada pihak BNBC mengikut geran.

MASYARAKAT MAJMUK DI SUNGAI TUARAN

Di pantai barat Borneo Utara, terdapat dua masyarakat yang mendominasi Sungai Tuaran, iaitu Bajau dan Dusun (Hasbol, 2011: 41). Walaupun berada di bawah pengaruh Sultan Abdul Momin di Sungai Tuaran, mereka berada di luar sempadan Sungai Tuaran. Antaranya, kawasan Tempasuk, Mengkabong, Kinarut, Ambong Menggatal dan Inanam. Secara khusus, masyarakat Bajau dan Dusun terpaksa keluar daripada sempadan Sungai Tuaran untuk mencari keperluan asas lalu mendominasi sosioekonomi tradisional yang mengikat tali perhubungan kedua-dua belah pihak.

Kewujudan tamu sebagai lokasi yang menghubungkan pelbagai latar belakang masyarakat dalam konteks perniagaan dan perdagangan mengikut sistem *barter*, terutama di Sungai Tuaran. Secara majoriti, masyarakat Bajau yang mendominasi kawasan di Sungai Tuaran kerana mereka menguasai perahu-perahu di tepi Sungai Tuaran. Sistem *barter* yang diamalkan dalam kegiatan tamu melibatkan masyarakat Bajau dan Dusun semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin. Hal ini demikian kerana aktiviti ini telah dijalankan di Sungai Tuaran. Kemudian, kegiatan tamu telah dijalankan secara komersial kerana turut disumbangkan oleh pedagang luar seperti pedagang Cina dan Arab. Antara barang asas yang dijual di tamu Sungai Tuaran ialah padi huma, kayu, rotan, hasil hutan dan rempah ratus. Sistem pembelian terawal di tamu Sungai Tuaran mengamalkan sistem *barter*, kemudian menggunakan “sistem mata wang” untuk dijadikan sebagai barang belian. Faktor ini menyumbang kepada hasil penjualan di tamu dan seterusnya mampu meningkatkan jumlah pendapatan ekonomi tradisional dan kemudian berkembang menjadi komersial di Sungai Tuaran. Setiap masyarakat mempunyai kelebihan bagi mengukuhkan ekonomi di Sungai Tuaran. Sebagai contoh, masyarakat Dusun mengeluarkan produk berasaskan padi huma, hasil hutan, buah-buahan dan barangan kraf tangan tempatan dengan menggunakan sistem *barter* kepada masyarakat Bajau. Masyarakat Bajau mengeluarkan produk berasaskan laut seperti ikan masin kepada masyarakat Dusun. Ini menunjukkan bahawa wujud sosioekonomi yang saling bergantung sesama sendiri semasa era pemerintahan baginda. Aktiviti tamu mampu meningkat serta merancakkan ekonomi di Sungai

Tuaran. Selepas perjanjian di antara Overbeck dan Sultan Abdul Momin dimeterai, perubahan persempadanan telah berlaku menerusi perjanjian pada 29 Disember 1877, aktiviti tamu di Sungai Tuaran kian pupus kerana dimiliki oleh pihak kolonial (Yusry & Bilcher Bala, 2019; M:116/82; M63/2002; C.O 874/54). Walau bagaimanapun, masyarakat Bajau tetap meneruskan kegiatan perdagangan. Kedatangan British North Borneo Company telah mendominasi masyarakat Bajau dan Dusun serta segala hasil kutipan cukai akan diberikan kepada Ibu pejabat *British North Borneo Company* di Sandakan yang diketuai oleh William Pryer (Treggoning, 2007: 103).

Menurut Bilcher, sekitar abad ke-16, masyarakat Bajau merupakan faktor utama perluasan empayar Brunei (Bilcher, 2005: 125). Hal ini menunjukkan bahawa berlaku migrasi masyarakat Brunei di Borneo Utara, termasuk di Sungai Tuaran. Masyarakat Brunei telah berasimilasi dengan masyarakat Bajau sehingga menggelarkan diri mereka sebagai “orang Bajau” yang juga dikenali sebagai *Orang-Laut*. Bilcher menyatakan bahawa masyarakat Brunei di pantai barat tinggal di Sungai Tuaran sehinggalah Sungai Sipitang (Bilcher, 2015: 37). Mengikut catatan (Spenser, 1862: 238), “masyarakat Bajau mempunyai satu ciri, kesetiaan yang amat tinggi, setiakawan dan ikatan serta hubungan kekeluargaan yang sungguh kuat. Mereka berasal dari Johor-Riau di sebelah timur Selat Melaka (Low, 1880: 3-4). Masyarakat Brunei mengadaptasi kehidupan seperti masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara. Pada 1872, masyarakat Bajau dan Dusun di Sungai Tuaran dan Sungai Sulaman seramai kira-kira 6,000 atau 7,000 orang, merupakan kawasan pengeluar padi yang utama. Penanaman padi huma di kawasan tersebut diusahakan secara komersial, kemudian dieksport ke Labuan. Di samping itu, kawasan tersebut juga mengeluarkan tembakau, getah India, sarang lebah, dan kapur baru. Bahan-bahan ini didagangkan di kawasan-kawasan kuala sungai di Borneo Utara (Foreign Office, 12/38; Henry Bulwers, Consul General in Borneo, 28 May 1872).

Menurut Spenser, masyarakat Dusun di Sungai Tuaran juga penting untuk berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat. Mereka mahir menanam padi, salah satu kemahiran yang penting untuk menyara kehidupan mereka. Masyarakat Dusun menanam padi seperti yang diamalkan oleh

petani dari China. Pendek kata, seperti orang Cina yang bercucuk tanam. Ini menunjukkan bahawa kehidupan masyarakat Dusun dalam pertanian ini mempunyai persamaan dengan kebudayaan mereka.

And the natives of Tawaran cultivate their rice as carefully as the Chinese, following their example of dividing the fields by low embankment so as to be able to regulate the supply of water and in other part of Borneo are to be found garden as neat as those we saw on the plain of Tawaran. This is evident they have not yet forgotten the lesson taught to their forefathers by the Chinese, through their improved agriculture appears to be almost the only impress left on the peoples.

Menurut Spenser lagi, masyarakat Dusun sangat teliti dan mahir dalam penanaman padi, sama seperti yang diamalkan oleh masyarakat Cina dari China. Masyarakat Dusun telah mempelajari kemahiran tersebut daripada masyarakat Cina. Sebagai contoh, masyarakat Dusun telah membina satu empangan besar supaya dapat membuat catuan atau mengawal air. Oleh itu, kawasan pertanian di tepi Sungai Tuaran telah mengamalkan sistem pertanian secara sistematik dan teratur berbanding kawasan lain (Spenser, 1862: 313-314).

Di samping itu, masyarakat Illanun di Sungai Tuaran memberi sumbangan dalam bidang perairan semasa pemerintahan baginda Sultan Abdul Momin. Istilah Illanun ini agak kontroversi sebenarnya yang berasal daripada perkataan lanun. Menurut *Kamus Dewan*, lanun ialah “Bajak Laut” atau “perompak laut” (*Kamus Dewan*, 2005: 628). Hal ini turut dikaitkan dengan bahasa Inggeris, juga sinonim dengan *Pirates* (lanun). Pada masa yang sama, masyarakat Illanun juga menjalankan aktiviti merompak di sekeliling kawasan Sungai Tuaran. Dalam penjelasan Rubin, cara melakukan rompakan tradisional, mereka akan melakukan rompakan secara besar-besaran sama ada di kawasan laut mahupun perairan sungai bagi sasaran mangsa perahu lain yang tinggal di tepi sungai atau laut. Hal ini demikian kerana aktiviti pelanunan ini sememangnya mahu merampas segala hasil pendapatan mangsa untuk dijadikan sebagai hamba dagangan oleh pemangsa (Rubin, 1974: 10). Kegiatan merompak di sekitar Asia Tenggara berlaku pada abad ke-16 dan ke-19. Motif utama bagi masyarakat Illanun ialah menguasai kegiatan perdagangan dan

perhambaan di kawasan Sungai Tuaran. Maka, tidak hairanlah masyarakat Illanun memburu mangsa dengan merampas sumber pendapatan mereka atau hasil pendapatan masyarakat tersebut.

Sebenarnya, masyarakat Illanun berasal dari selatan Filipina yang belayar sambil merantau. Pada tahun 1765, mereka berhijrah ke Borneo Utara disebabkan letupan gunung berapi yang menyebabkan kawasan perkampungan mereka musnah di kawasan Tasik Lanao yang dikatakan oleh Warren (1981: 150). Mula-mula mereka berhijrah ke kawasan Tempasuk sehingga Tuaran untuk mencari rezeki lalu membentuk komuniti yang tersendiri. Mereka juga mengeksploitasi perdagangan awal di pesisiran pantai ke sungai. Menurut Evans, masyarakat Illanun telah berhijrah ke pantai barat Borneo bermula pada tahun 1807. Penempatan masyarakat Illanun mula meluas ke Pandasan, Tuaran, Tawau, Kudat, Labuan, Lahad Datu, Sandakan, Semporna, Kudat dan beberapa tempat lain. Majoriti masyarakat Illanun menetap di kawasan pantai barat Borneo Utara seperti Tempasuk, Mengkabong, Pandasan dan Tuaran (Evans, 1928:220). Menurut Treacher, yang menjelaskan mengenai catatan perjalanan Dalrymple ke Sungai Tuaran, masyarakat Illanun akan mencari mangsa untuk dijadikan sebagai hamba dagangan dan punca pendapatannya (Treacher, 1891: 37).

Selain itu, sekitar abad ke-19, masyarakat Illanun belum menubuhkan kerajaan sendiri. Akan tetapi, masyarakat Illanun memiliki ketua sendiri yang digelar sebagai “Datu”. Menurut (Spenser, 1862: 370), kawasan Teluk Abai merupakan sebuah perkampungan masyarakat Illanun yang diketuai oleh Raja Muda. Seterusnya, Raja Muda mempunyai anak yang bernama Pengiran Muhammad, mengetuai kawasan Pandasan. Semasa di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei, masyarakat Illanun merupakan rakyat kerajaan tersebut (Evans, 1928:219). Kegiatan ekonomi masyarakat Illanun adalah bertani dan menangkap ikan sejak turun-temurun. Masyarakat Illanun juga aktif dalam kegiatan perdagangan (Hasbol, 2011:50). Spenser juga menjelaskan bahawa:

The Tawaran contains a population equal but a little inferior to that of the Tempasuk. The village between the mouth and Bawang are numerous, but much concealed by groves of fruit trees. Tamparuli was an extensive village and Bawang of fair size. The Nilu tribes was

scattered over the sides of the hills. Kalawat was a villaged perhapd 80 families; Bungol contains about 150 families; the tangow, Bangan and other villages were observed on sub-spur; and beyond Bungol the tribes must be numerous, if we may judge form the extensive fires made by them to clear their palntation. On the right-hand branch are also many village; but we had no oppurtunity of eliminating them. Of the western branch I know nothing personally. By native accounts, the Tawaran is more populous than the Tempasuk (Spenser, 1862: 60).

Berdasarkan petikan ini, dinyatakan bahawa Sungai Tuaran memiliki kawasan yang luas. Malahan, populasi penduduk juga menunjukkan lebih ramai berbanding sekitar kawasan seperti di Tempasuk, Tamparuli, Mengkabong dan Kalawat. Masyarakat Dusun pergi ke Sungai Tuaran disebabkan faktor pertanian yang semakin berkembang, terutama penanaman padi. Kebanyakan teknik untuk menanam padi juga merujuk kepada kawasan tersebut. Buktinya, George dan Robert, masyarakat Bajau di Sungai Tuaran turut berasimilasi dengan masyarakat Dusun mengikut teknik membajak tanah sawah. Perkara ini dianggap penting untuk menzahirkan sebuah tamadun yang lebih baik (Bilcher, 2018: 46; George & Robert, 1969: 220).

TUARAN DARI SUDUT CATATAN DAN PANDANGAN PERJANJIAN BRITISH NORTH BORNEO, 1877

GRANT by Sultan of Brunei of Territories from the Sulaman River to the River Paitan. Dated 29th December, 1877.

I the Sultan Abdul Mumin Ebn Marhoum Maulana Abdul Wahab of Brunei do hereby grant to Gustavus Baron de Overbeck and Alfred Dent Esquire of London co-jointly their heirs associates successors or assigns all the territories belonging to me from the Sulaman River on the north-west coast of Borneo unto the River Paitan on the north-east coast of the island containing twenty-one states together with the island of Banguey and all the other islands within three marine leagues of the coast for their own exclusive uses and purposes. In consideration of this grant the said Baron de Overbeck and Alfred Dent promise to pay severally and co-jointly to the said Sultan Abdul Mumin his heirs or successors the sum of six thousand dollars per annum. The said territories are from this date declared vested in the said Baron de Overbeck and Alfred Dent their heirs associates successors or assigns for so long as they shall choose to hold them. Provided however that His Highness the Sultan shall

have the right to resume the control and government of the said territories if the above-mentioned annual compensation shall not have been paid for three successive years.

Done at the Palace at Brunei this 29th day of December, A.D. 1877 (Yusry & Bilcher, 2019, M:116/82, M63/2002; <http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoriesFromTheSulamanRiverToTheRiverPaitan.pdf>, sumber diakses 20/11/2019; C.O 874/54).

Perjanjian di atas adalah persetujuan di antara Sultan Abdul Momin dan Overbeck mengenai penyerahan Sungai Tuaran sebagai hak milik baginda. Sekitar abad ke-19, perjanjian berakhir dengan kejatuhan kekuasaan Sungai Tuaran di bawah Kesultanan Brunei berdasarkan perjanjian, iaitu perkataan “*Saba*” (Bilcher, 2018: 45). Perkataan “*Saba*” bermaksud “*hujung*” ataupun “*seberang*”. Seterusnya, Borneo Utara atau dikenali sebagai “*Saba*” telah dikuasai sepenuhnya oleh British North Borneo Company. Hal ini menunjukkan bahawa berlaku beberapa peringkat penyerahan wilayah Brunei di pantai barat Borneo Utara. Seterusnya, penyerahan ini merupakan peringkat kedua yang dilakukan oleh baginda dan Pengiran Temenggung Hashim pada 29 Disember 1877 kepada Overbeck dan Alfred Dent. Pada tahun yang sama, baginda turut menyerahkan wilayah hak seperti Likas, Papar, Inanam, Pulau Gaya, Tanjung Gaya, Tanjung Lutut, Manggatal, Tanjung Sepanggar, Pulau Sepanggar, Tuaran, Sulaman, Ambong, Abai, Pulau Usukan, Tampasuk, Pulau Mantanani, dan Pandasan. Pada tahun 1877, Pengiran Temenggung Hashim pula menyerahkan hak wilayah Kimanis, Kokah, Bembangan, Benoni, Pulau Dinawan, dan Pulau Tiga kepada Overbeck. Sungai Tuaran pernah menjadi sebuah kerajaan dan mempunyai pemerintahan yang bebas, tetapi tidak diiktiraf sebagai Kerajaan Brunei (Black, 1968: 152). Sebagai contoh, Syarif Osman menguasai Teluk Marudu yang saling bergantung kepada kawasan Sungai Tuaran bagi menjalankan aktiviti perdagangan hamba. Begitu juga, Syarif Jahir yang mempunyai kontroversi dengan Sultan Abdul Momin dan Pengiran Abdul Rauf mengenai tanah di Sungai Tuaran berstatus Sungai Tulin yang dimiliki oleh Syarif Jahir. Perkara ini disebut oleh Black. Para pengikut Syarif Jahir terdiri daripada masyarakat Dusun dari Sungai Kawang yang menzahirkan taat setia kepadanya.

Sungai Tuaran boleh dikatakan sebagai pusat perdagangan terpenting semasa bernaung di bawah pemerintahan Sultan Abdul Momin. Sungai Tuaran merupakan kawasan yang terpenting kerana mampu meningkatkan kegiatan ekonomi tradisional secara lebih produktif sebelum kedatangan *British North Borneo Company*. Menurut Bilcher, Sungai Tuaran merupakan pusat “bandar” utama kerana mengamalkan sistem pertanian atau agrarian terawal di Borneo Utara mahupun Asia Tenggara (Bilcher, 2018: 44). Hal ini menunjukkan bahawa tahap import dan eksport dari segi rempah dan bahan mentah yang memberi impak kepada masyarakat di Sungai Tuaran suatu ketika dahulu dijelaskan oleh Jan Wissemen (1995: 241). Faktor hasil komoditi dengan pengeluaran banyak jenis seperti kadar permintaan, populasi, komoditi dan saiz penduduk sudah menentukan ciri-ciri asas untuk menubuhkan sebuah kerajaan di Sungai Tuaran. Sungai Tuaran dianggap sebagai status Sungai Kuripan. Spenser turut menyatakan bahawa Sungai Tuaran merupakan pusat pengeluaran lada hitam terbesar sekitar tahun 1856 (Spenser, 1862: 270-271). Selain Sungai Tuaran yang dianggap sebagai pusat pengeluaran utama lada hitam, terdapat kawasan lain seperti Kuala Lama, Papar, Mengkabong dan Membakut seperti yang dicatatkan oleh Spenser.

KESIMPULAN

Sekitar abad ke-19, Sungai Tuaran merupakan pusat tumpuan perdagangan semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin. Sungai Tuaran merupakan satu-satunya kawasan yang berstatus Sungai Kuripan, terutama di pantai barat Borneo Utara. Mengikut catatan Spenser, Sungai Tuaran berpotensi menjadi pusat perdagangan komoditi terbesar pada waktu itu. Terdapat pelbagai latar belakang masyarakat utama yang tinggal di sekitar Sungai Tuaran. Antaranya, masyarakat Bajau, Dusun dan Illanun yang menyumbang kepada perkembangan kegiatan ekonomi di kawasan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa pelbagai latar belakang masyarakat muncul di Sungai Tuaran menjadi penyumbang kepada kegiatan Tamu sehingga berdiri sebagai sebuah pusat kegiatan ekonomi utama. Sungai Tuaran mampu menarik kedatangan masyarakat lain. Kawasan tamu di Sungai Tuaran dapat menyumbang hasil yang besar, terutama kegiatan ekonomi semasa pemerintahan baginda Sultan Abdul Momin. Oleh yang demikian, sistem percukaian diwujudkan di Sungai Tuaran bertujuan untuk mengaut

keuntungan melalui cukai kepala dalam usaha untuk menjana pendapatan. Kutipan cukai dilaksanakan oleh golongan yang dilantik oleh Sultan Abdul Momin bertujuan untuk mengaut hasil cukai. Semasa pemerintahan baginda, telah berlaku perubahan persempadanan pada 29 Disember 1877 yang menyerahkan perjanjian pajakan kepada Overbeck. Seterusnya, Treacher yang mewakili British North Borneo Company membeli pajakan daripada Sultan Abdul Momin dengan mengukuhkan penyerahan sebagai milik British North Borneo Company. Oleh itu, British North Borneo Company berjaya menguasai wilayah jajahan Brunei yang semakin mundur pada akhir abad ke-19. Faktor kejatuhan pada waktu itu bukan sahaja dialami oleh Kesultanan Brunei, malah turut dialami oleh kesultanan Melayu lain di Asia Tenggara. Secara jelas, Sungai Tuaran merupakan sebuah kawasan yang pernah diangkat sebagai sebuah kerajaan menurut sarjana tempatan dan antarabangsa.

RUJUKAN

- Appell, G. V., & Harisson, R. (1969). The ethnographic classification of Dusun-speaking peoples of Northern Borneo. *Ethnology*, 8(2), 212-227.
- Bala, B. (2015). Petempatan masyarakat Melayu Brunei ke Sabah. Dlm. Saat Awang Damit (ed.), *Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah* (hlm. 35-52). Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Bala, B. (2018). Kerajaan Tuaran di Sabah berdasarkan sumber Arab. Dlm. Eko Prayitno Joko (Penyelenggara), *Deskripsi mengenai Sabah daripada Pelbagai Perspektif Esei-esei Sumbangsih untuk Sabihah Osman* (hlm. 19-51). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Bala, B., Baszley Bee Basrah Bee & Jakaria Dasan. (3 April 2008). Pengaruh Kesultanan Brunei kepada masyarakat Sabah (*Siri I*). *Utusan Borneo*, 13-14.
- Bala, B. (2005). *A Thalassocracy: A history of medieval Sultanate of Brunei. Darussalam*: Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Black, I. D. (1968). The ending Brunei rule in Sabah 1878-1902. *JMBRAS*, 41(2), 142-158.
- C.O 874/200. Grant of Tuaran 5 November 1884.
- C.O 874/54. Grant of Sultan Brunei of territory the Sulaman river of Paitan, 29 Disember 1877. <http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoriesFromTheSulamanRiverToTheRiverPaitan.pdf>. sumber diakses 20/11/2019.

- C.O 874/54. GRANT by Sultan of Brunei of territories from the Sulaman river to the river paitan. Dated 29 December 1877.
- Christie, J.W. (1995). State formation in early maritime Southeast Asia: a consideration of the theories data, *bij tot de taal- land volkenkude*, deel 151, 2de afl.
- Dalrymple S. E. (1884). Tawaran dan Putatan rivers. *JMBRAS*, 261- 272.
- Foreign Office. 12/38, Henry Bulwers, consul general in Borneo. 28 May 1872.
- Foreign Office. 12/59, Public record office, memorandum Leys to Earl Granville, 5th May 1883.
- Haji Abdul Karim Haji Abdul Rahman. (1994). *Brunei satu cabaran dan campur tangan British, hukum kanun Brunei fasal pertama* (Naskhah Jawi simpanan Jabatan Pusat Brunei). Jabatan Pusat Sejarah: Bandar Seri Begawan.
- Haji Hasbol bin Mail. (2007). Peranan kerajaan (Kingship) kesultanan Brunei: Konsep dewaraja, daulat dan derhaka satu sorotan. *Jurnal Darussalam*, 7, 18.
- Haji Hasbol bin Mail. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19, politik dan struktur pentadbiran*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.
- John, S. (1862). *The life in the forest of the far East: Volume I*. London: Smith & Elder Co.
- John, S. (1862). *The Life in the forest of the far East: Volume II*. London: Smith & Elder Co.
- Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leys, P. (1974). Observation on the Brunei political system, 1833-1885. *JMBRAS*, 47(1), 128-141.
- Low, H. (1880). Selesilah (book descent) of the raja Brunei. *JMBRAS*, 5, 25-27.
- M:116/82,M63/2002, C.O 874/54 Grant of Sultan Brunei of Territory The Sulaman River of Paitan. 29 December 1877.
- Norman E. I. (1928). *Among primitive peoples in Borneo*. London: Oxford University Press.
- Pehin Jamil Al Sufri. (1973). *Catatan sejarah perwira dan pembesar Brunei, Jilid II*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rubin. (1974). *Piracy, paramountacy and protectorates*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rutter, Owen. (2008). *British North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Sanib Said. (2013). *Melayu Sarawak; sejarah yang hilang*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Tarling, N. (1971). *Britain, the Brooke and Brunei*. London: Oxford University Press.
- Treacher, W.H. (1891). *British Borneo sketches of Brunai, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Government Department Printing Singapore.
- Tregonning, K.G. (2007). *Under chartered company*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.

- Warren, J.F. (1981). *The Sulu Zone 1768-1898*. Singapore: Singapore University Press.
- Wolters, O. W. (1999). *History, culture and region in Southeast Asian perspective*. Ithaca: Cornell Southeast Asia Program Publication.
- Yusry Sulaiman & Bala, B. (2019). Maharaja Overbeck: Satu pandangan mengenai hak dan kedudukan pemerintah Borneo Utara (1877-1881). *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 5(1), 120-139.
- Yusry Sulaiman. (2021). Sejarah penyerahan wilayah Brunei di pantai barat Borneo Utara (1877-1902). Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah.

YUSRY SULAIMAN merupakan pelajar Ijazah Doktor Falsafah Kemanusiaan (Sejarah) di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Bidang kajian beliau adalah Sejarah Kesultanan Brunei dan masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara dari abad ke-18 sehingga abad ke-20. Beliau juga merupakan tutor bagi kursus Sejarah Awal Asia Timur AJ20903 dan Sejarah Tanah Melayu dalam Zaman Penjajahan AJ21303 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan sejak tahun 2022.

MOSLI TARSAT (PhD) merupakan Pensyarah Kanan dalam Program Sejarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau adalah Sejarah Maritim di Asia Tenggara dan Sejarah Malaysia. Beliau mengajar subjek kursus Sejarah Tanah Melayu (AJ21303) pada zaman penjajahan abad ke-17 sehingga abad ke-19 dan Pensejarahan Melayu sebelum merdeka 1963 (AJ31403).

RIZAL ZAMANI IDRIS (PhD) merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua Program Hubungan Antarabangsa di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau ialah Hubungan Australia-Malaysia, Polisi dan Dasar Luar. Walau bagaimanapun, beliau turut meminati kajian tentang politik tradisional pada abad ke-18 sehingga abad ke-20.